

**A PILOT STUDY ON THE LEVEL OF INTERPERSONAL COMMUNICATION
COMPETENCY FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE AMONG
NEIGHBORS IN TEMERLOH, PAHANG**

**KAJIAN RINTIS TAHAP KECEKAPAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL DARI
PERSPEKTIF ISLAM DALAM MASYARAKAT BERJIRAN DI TEMERLOH, PAHANG**

Noorsaidah Zainudinⁱ & Hasanah Abd Khafidzⁱⁱ

ⁱ Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Pengajian Dakwah dan Kepimpinan), Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. a189209@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. hasanah@ukm.edu.my

Received: 15 November 2024

Article Progress
Revised: 20 December 2024

Accepted: 31 December 2024

Abstract	<p><i>This article aims to discuss the level of interpersonal communication competency among neighbors and its practice in alignment with Islamic teachings through a pilot study conducted in Temerloh, Pahang. The study employed a quantitative approach using a 30-item questionnaire answered by 58 respondents. Findings indicate that the overall level of interpersonal communication competency is high, with the highest scores recorded for items such as expressing gratitude (mean=4.52) and speaking gently (mean=4.28). However, a weakness was identified in initiating verbal communication, which was rated at a moderate level (mean=3.24). This suggests the need for efforts to enhance this skill to improve neighborly relations. From the perspective of Islamic practices, mahmudah (commendable) communication was found to be at a high level, such as being cautious when speaking (mean=4.36), while mazmumah (reprehensible) communication was effectively avoided, reflected by a low level, such as in gossiping (mean=1.41). These findings affirm that neighbors in Temerloh tend to practice mahmudah values while avoiding communication behaviours inconsistent with Islamic teachings. The study concludes that effective interpersonal communication is a crucial foundation for fostering a harmonious society. The study's implications highlight the necessity of awareness programs and communication training focusing on strengthening mahmudah values and improving the ability to initiate communication. Furthermore, the study provides an avenue for future research on the relationship between interpersonal communication and the development of more integrated and harmonious communities.</i></p> <p>Keywords: <i>Interpersonal Communication, Neighborhood, Islamic Perspective, Mahmudah, Mazmumah, Temerloh</i></p>
-----------------	---

Abstrak	<p><i>Artikel ini bertujuan untuk membincangkan tahap kecekapan komunikasi interpersonal masyarakat berjiran serta pengamalannya selaras ajaran Islam yang dilakukan melalui kajian rintis di Temerloh, Pahang. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan soal selidik terdiri daripada 30 item yang dijawab oleh 58 orang responden. Dapatan menunjukkan tahap kecekapan komunikasi interpersonal secara purata berada pada tahap tinggi, dengan nilai tertinggi diperoleh bagi item seperti mengucapkan terima kasih (min=4.52) dan bercakap dengan lemah lembut (min=4.28). Walau bagaimanapun, kelemahan dikenal pasti dalam aspek memulakan komunikasi lisan, yang berada pada tahap sederhana (min=3.24). Ia mencadangkan perlunya usaha untuk memperbaiki kemahiran ini bagi meningkatkan hubungan kejiranan. Dari aspek pengamalan menurut Islam, komunikasi mahmudah berada pada tahap tinggi, seperti berhati-hati ketika berbicara (min=4.36), sementara komunikasi mazmumah berjaya dielakkan dengan baik iaitu pada tahap rendah, seperti dalam aspek mengumpat (min=1.41). Penemuan ini menegaskan bahawa masyarakat berjiran di Temerloh cenderung mengamalkan nilai-nilai mahmudah sambil menghindari komunikasi yang tidak sesuai dengan ajaran Islam. Kajian ini menyimpulkan bahawa komunikasi interpersonal yang cekap adalah asas penting untuk membentuk masyarakat yang harmoni. Implikasi kajian mencadangkan perlunya program kesedaran dan latihan komunikasi yang menumpukan pada memperkukuh nilai-nilai mahmudah dan meningkatkan kemahiran memulakan komunikasi. Kajian ini juga membuka ruang untuk penyelidikan lanjut tentang hubungan antara komunikasi interpersonal dan pembangunan masyarakat yang lebih integrasi dan harmoni.</i></p> <p>Kata Kunci: <i>Komunikasi Interpersonal, Kejiranan, Perspektif Islam, Mahmudah, Mazmumah, Temerloh</i></p>
----------------	--

PENDAHULUAN

Komunikasi adalah proses interaksi penting dalam kehidupan manusia yang bertujuan menyampaikan maklumat yang bermakna melalui pelbagai medium, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Komunikasi memainkan peranan utama dalam membentuk hubungan sosial. Dalam Islam, komunikasi yang berlandaskan al-Quran dan hadis bukan sekadar interaksi biasa, tetapi dianggap sebagai satu bentuk ibadah yang mampu mendekatkan manusia kepada kebenaran Allah SWT. Nilai-nilai keagamaan dalam komunikasi memperkukuhkan hubungan manusia dengan Tuhan, sekali gus menjadi panduan dalam membina hubungan yang harmoni dalam masyarakat (Nor Saleha, 2012; A. Rozelan, 2016; Syawal et al., 2022; Zamri e tal., 2023).

Komunikasi interpersonal, sebagai salah satu cabang komunikasi, melibatkan pertukaran maklumat antara dua atau lebih individu untuk membentuk hubungan yang erat dan harmoni (Ribka et al., 2016). Proses ini bukan sahaja penting dalam penyampaian mesej tetapi juga dalam memupuk pembangunan komuniti. Dalam konteks Islam, prinsip-prinsip komunikasi interpersonal yang cekap, seperti yang digariskan dalam Surah al-Nahl ayat 125, mengutamakan hikmah, nasihat yang baik dan perbincangan yang bijaksana. Pendekatan ini memastikan komunikasi tidak hanya berkesan tetapi juga mampu memelihara keamanan dan kesejahteraan dalam hubungan sosial.

Masyarakat yang harmoni dan sejahtera terbina melalui hubungan kejiranan yang mapan. Menurut M. Yusof et al. (2011), kejiranan yang baik melibatkan hubungan yang aman, harmoni dan terancang, mengambil kira aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. Islam turut menekankan tanggungjawab terhadap jiran tetangga, seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Nisa' ayat 36, yang menggariskan kewajipan untuk menjaga hak dan kedudukan jiran tanpa mengira pertalian darah. Hubungan kejiranan yang erat dan berdasarkan prinsip komunikasi yang cekap adalah asas kepada pembentukan masyarakat yang harmoni, sesuai dengan panduan al-Quran dan hadis.

Walaupun bagaimanapun, komunikasi interpersonal dalam masyarakat berjiran kini semakin kurang memberangsangkan. Masalah komunikasi sering menjadi punca perselisihan,

seperti insiden di Shah Alam pada Jun 2021 yang tular kerana pertelingkahan mengenai isu tanaman dan tempat meletak kenderaan (A. Ismadi, 2021). Malah, negara jiran seperti Singapura turut melaporkan peningkatan aduan isu kejiranan, termasuk gangguan bunyi dan kelakuan kanak-kanak (Berita Harian, 2020). Isu-isu ini menunjukkan kurangnya kecekapan komunikasi interpersonal dalam kalangan masyarakat berjiran. Sebaliknya, komunikasi yang cekap dapat membina persefahaman, kepercayaan dan kerjasama, seperti yang dinyatakan oleh Desi dan Ulfi (2021). Kecekapan ini penting untuk menghasilkan masyarakat berjiran yang berkualiti dan harmoni, sebagaimana yang ditegaskan oleh M. Yusof et al. (2011). Bagi mendalami lagi isu ini dalam konteks setempat, satu kajian rintis dijalankan dalam kalangan masyarakat di Temerloh, Pahang. Kajian ini bertujuan untuk melihat mengenal pasti tahap kecekapan komunikasi interpersonal dalam masyarakat berjiran di Temerloh Pahang dan juga mengkaji tahap pengamalan kecekapan komunikasi interpersonal menurut perspektif Islam oleh masyarakat berjiran di Temerloh Pahang.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Komunikasi interpersonal merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia. Menurut Maizatul et al. (2019), kecekapan komunikasi memainkan peranan penting dalam pencapaian matlamat, termasuklah dalam konteks hubungan bermasyarakat. Dalam kehidupan kejiranan, komunikasi yang efektif menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Walau bagaimanapun, semangat kejiranan di Malaysia semakin merosot akibat perubahan gaya hidup masyarakat moden dan persekitaran sosial yang berubah-ubah. Faktor-faktor ini berkait rapat dengan tahap kecekapan komunikasi interpersonal dalam sesebuah komuniti, kerana komunikasi memberi kesan langsung terhadap pelbagai aspek kehidupan harian manusia (M. Jeffery, 2018).

Kajian oleh Catherine dan Ubong (2023) mendapati bahawa hubungan sosial dalam kalangan masyarakat bandar semakin luntur. Keadaan ini disebabkan oleh tekanan kos sara hidup yang tinggi, yang memaksa individu memberi lebih perhatian kepada pekerjaan berbanding meluangkan masa bersama jiran tetangga. Akibatnya, interaksi antara kejiranan menjadi terhad dan kurang bermakna. Kehidupan di bandar yang sibuk dengan tanggungjawab kerja mencetuskan cabaran komunikasi interpersonal yang semakin berkurangan, sekali gus menjejaskan hubungan kejiranan.

Malaysia sebagai sebuah negara majmuk turut menghadapi cabaran komunikasi yang unik dalam komuniti kejiranan yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama, bahasa dan budaya. Menurut M. Syarifudin et al. (2013), komuniti majmuk ini sering berhadapan dengan cabaran integrasi dan kesepaduan, terutama sekali disebabkan perbezaan bahasa. Bahasa, sebagai medium komunikasi utama, menjadi penghalang apabila komuniti tidak memahami satu sama lain (Okarisma et al., 2022). Justeru, usaha untuk memupuk perpaduan dalam masyarakat pelbagai etnik memerlukan pendekatan berkesan, seperti yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui Dasar Perpaduan Negara (Noor Azmira & Nor Azlili, 2019).

Selain faktor bahasa, perbezaan budaya dan agama turut mempengaruhi kecekapan komunikasi dalam kalangan masyarakat berjiran. Dasar Perpaduan Negara (Kementerian Perpaduan Negara, 2021) menggariskan bahawa cabaran perpaduan termasuk isu berkaitan agama, kelas sosial dan bahasa. Menurut Abd. Ghoffar (2019), agama memainkan peranan penting dalam membentuk budaya, manakala budaya pula memberi kesan kepada pemikiran dan tingkah laku individu. Kajian Azlina (2017) menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa budaya mempengaruhi cara seseorang menerima mesej, manakala Mohammad dan Moulita (2015) mendapati perbezaan budaya antara pelajar Malaysia dan Indonesia menjejaskan kecekapan komunikasi mereka.

Ruang fizikal juga memainkan peranan penting dalam menyokong komunikasi interpersonal. Kajian oleh Syufiza et al. (2023) menunjukkan bahawa kekurangan ruang awam di kawasan perumahan menyumbang kepada interaksi sosial yang rendah dalam kalangan masyarakat berjiran. Sebagai contoh, penyediaan ruang sosial seperti taman permainan di Flat Sungai Plan telah membuktikan bahawa ruang interaksi mampu meningkatkan hubungan kejiranan. Abd. Malik (2018) menegaskan bahawa persekitaran yang selesa adalah prasyarat kepada komunikasi yang cekap. Oleh itu, kewujudan ruang interaksi yang mencukupi adalah penting untuk menggalakkan komunikasi dan aktiviti sosial dalam masyarakat.

Oleh itu, kecekapan komunikasi interpersonal dalam kalangan masyarakat berjiran tidak boleh dipandang remeh. Bagi tujuan itu, kajian rintis dijalankan dengan memfokuskan kepada sebuah komuniti Muslim untuk mengukur tahap kecekapan komunikasi dalam masyarakat kejiranan sebelum merumuskan strategi komunikasi yang efektif bagi mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai kecekapan komunikasi interpersonal dalam masyarakat berjiran di Temerloh, Pahang. Metodologi kajian merangkumi reka bentuk kajian, pemilihan kawasan kajian, pemilihan sampel, penggunaan instrumen, proses pengumpulan data dan analisis data. Kajian ini dilaksanakan untuk memastikan instrumen dan pendekatan yang dirancang sesuai untuk digunakan dalam kajian utama. Pendekatan ini diharap dapat menjawab permasalahan kajian dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Kajian menggunakan reka bentuk tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Kajian tinjauan dipilih kerana ia membolehkan pengkaji mengumpulkan data secara sistematik daripada populasi besar, seperti yang dinyatakan oleh Abdull (2022). Instrumen utama kajian adalah soal selidik berstruktur, yang membolehkan data dinilai secara numerikal. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memahami secara mendalam tahap kecekapan komunikasi interpersonal berdasarkan data yang objektif dan boleh diuji secara empirikal (Sulaiman, 2005).

Kawasan kajian ditumpukan kepada daerah Temerloh, Pahang kerana kawasan ini mewakili penempatan dengan corak pembangunan sederhana yang mencerminkan pelbagai latar belakang masyarakat. Kawasan perumahan di Temerloh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu rumah persendirian dan taman perumahan. Rumah persendirian lebih dominan di kawasan luar bandar seperti Kampung Sungai Gau dan Kampung Bangau Tanjung, manakala taman perumahan seperti Taman Temerloh Jaya dan Taman Setia Jasa merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. Pemilihan kawasan ini bertujuan untuk mendapatkan variasi komunikasi interpersonal yang mencerminkan pelbagai corak perumahan.

Sampel kajian melibatkan 58 orang penduduk Muslim dari Temerloh yang dipilih secara rawak. Sampel ini dipilih berdasarkan keperluan kajian rintis untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan instrumen soal selidik. Soal selidik yang digunakan terdiri daripada tiga bahagian: Bahagian A (Demografi), Bahagian B (Tahap Kecekapan Komunikasi Interpersonal) dan Bahagian C (Tahap Pengamalan Komunikasi Interpersonal Menurut Perspektif Islam). Bahagian A mengumpulkan maklumat demografi seperti umur, jantina dan tahap pendidikan, manakala Bahagian B dan C menilai objektif utama kajian menggunakan skala Likert lima mata.

Proses pengumpulan data dilakukan menggunakan soal selidik dalam talian melalui aplikasi Google Form. Borang soal selidik diedarkan kepada responden secara rawak dengan menggunakan media sosial.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 30 untuk menghasilkan statistik deskriptif. Analisis data memanfaatkan Jadual Interpretasi Oxford (1990) untuk menentukan tahap komunikasi berdasarkan min skor. Tahap rendah dinilai pada skor 1.0–2.4, sederhana pada 2.5–3.4 dan tinggi pada 3.5–5.0. Hasil kajian rintis menunjukkan instrumen soal selidik yang digunakan adalah boleh dipercayai dan sesuai untuk menilai kecekapan komunikasi interpersonal dalam konteks masyarakat berjiran.

Kajian rintis ini merupakan langkah awal untuk menguji kebolehgunaan metodologi dan instrumen yang dirancang sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Kajian ini bukan sahaja memastikan instrumen soal selidik relevan dan sah, tetapi juga menyediakan gambaran awal tentang kecekapan komunikasi interpersonal dalam masyarakat berjiran di Temerloh, Pahang.

DAPATAN KAJIAN

Pengkaji telah membuat kajian lapangan dan memperolehi data berikut yang boleh dijelaskan dalam tiga bahagian utama iaitu demografi responden, tahap kecekapan komunikasi interpersonal dan tahap pengamalan kecekapan komunikasi interpersonal menurut perspektif Islam. Dapatan ini boleh dilihat dalam jadual-jadual berikut:

Demografi Responden

Jadual 1: Taburan/Kekerapan dan Peratusan Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	15	25.9
Perempuan	43	74.1
Jumlah	58	100.0

Sumber: Soal Selidik 2024

Jadual 1 menunjukkan responden majoritinya perempuan (74.1%) berbanding lelaki (25.9%) iaitu menunjukkan penglibatan wanita lebih aktif dalam menjawab soal selidik.

Jadual 2: Taburan/Kekerapan dan Peratusan Umur Responden

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
19 tahun ke bawah	8	13.8
20 - 30 tahun	36	62.1
31 - 40 tahun	8	13.8
41 - 50 tahun	3	5.2
51 tahun ke atas	3	5.2
Jumlah	58	100.0

Sumber: Soal Selidik 2024

Jadual 2 menunjukkan bahawa responden berumur 20-30 tahun merupakan kumpulan terbesar (62.1%), diikuti oleh kumpulan umur 19 tahun ke bawah dan 31-40 tahun (masing-masing 13.8%).

Jadual 3: Taburan/Kekerapan dan Peratusan Tahap Pendidikan Responden

Tahap Pendidikan	Kekerapan	Peratus (%)
Ujian Pentaksiran Sekolah Rendah (UPSR)	0	0
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	2	3.4
Diploma/Matrikulasi/Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	15	25.9
Ijazah Sarjana Muda	36	62.1
Ijazah Sarjana (Master)	2	3.4
Ijazah Doktor Falsafah (Phd)	1	1.7
Jumlah	58	100.0

Sumber: Soal Selidik 2024

Jadual 3 menunjukkan kebanyakan responden mempunyai Ijazah Sarjana Muda (62.1%), mencerminkan tahap pendidikan tinggi dalam kalangan masyarakat yang dikaji.

Jadual 4: Taburan/Kekerapan dan Peratusan Pekerjaan Responden

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus (%)
Kakitangan Kerajaan	3	5.2
Kakitangan Swasta	14	24.1
Bekerja Sendiri	3	5.2
Tidak Bekerja	6	10.3
Pelajar	32	55.2
Jumlah	58	100.0

Sumber: Soal Selidik 2024

Jadual 4 menunjukkan pelajar merupakan kumpulan pekerjaan terbesar (55.2%), diikuti oleh kakitangan swasta (24.1%).

Jadual 5: Taburan/Kekerapan dan Peratusan Tempat Tinggal Responden

Tempat Tinggal	Kekerapan	Peratus (%)
Taman Gau Permai, Kg. Padang Lalang	12	20.7
Taman Setia Jasa	1	1.7
Taman Temerloh Jaya	3	5.2
Rumah Persendirian	18	31.0
Lain-lain	24	41.4
Jumlah	58	100.0

Sumber: Soal Selidik 2024

Jadual 5 menunjukkan majoriti responden tinggal di rumah persendirian (31.0%) atau kawasan lain-lain (41.4%), menunjukkan variasi tempat tinggal.

Jadual 6: Taburan/Kekerapan dan Peratusan Agama Majoriti Kejiranan Responden

Agama Majoriti Kejiranan	Kekerapan	Peratus (%)
Islam	57	98.3
Bukan Islam	1	1.7
Jumlah	58	100.0

Sumber: Soal Selidik 2024

Jadual 7: Taburan/Kekerapan dan Peratusan Bangsa Majoriti Kejiranan Responden

Bangsa Majoriti Kejiranan	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	57	98.3
Cina	1	1.7
India	0	0
Jumlah	58	100.0

Sumber: Soal Selidik 2024

Jadual 6 dan 7 menunjukkan majoriti kejiranan beragama Islam (98.3%) dan Melayu (98.3%).

Tahap Kecekapan Komunikasi Interpersonal

Jadual 8: Taburan Min, Peratusan dan Kekerapan Tahap Kecekapan Komunikasi Interpersonal

Bil.	Item	STS	TS	SD	S	SS	Min.
1.	Saya selesai untuk memulakan perbualan dengan jiran saya.	0 0%	1 1.7%	30 51.7%	12 20.7%	15 25.9%	3.71
2.	Saya mengenali semua jiran yang berhampiran dengan rumah saya tidak mengira bangsa.	1 1.7%	7 12.1%	19 32.8%	16 27.6%	15 25.9%	3.64
3.	Saya menyapa jiran saya terlebih dahulu jika bertemu di kawasan kejiranan.	2 3.4%	11 19.0%	24 41.4%	13 22.4%	8 13.8%	3.24

4.	Saya memahami perasaan jiran saya semasa berkomunikasi.	4 6.9%	8 13.8%	17 29.3%	17 29.3%	12 20.7%	3.43
5.	Saya sering bertengkar dengan jiran tetangga saya	45 77.6%	4 6.9%	4 6.9%	1 1.7%	4 6.9%	1.53
6.	Saya berbincang dengan jiran terlebih dahulu apabila ingin menentukan sesuatu di sekitar kawasan kejiranan.	0 0%	6 10.3%	21 36.2%	10 17.2%	21 36.2%	3.79
7.	Saya melayani jiran saya sama rata tidak kira kaum, bangsa dan agama.	0 0%	1 1.7%	10 17.2%	18 31.0%	29 50.0%	4.29
8.	Saya menolong jiran saya jika dia memerlukan bantuan.	0 0%	2 3.4%	9 15.5%	14 24.1%	33 56.9%	4.34
9.	Saya dan jiran bekerjasama dalam menjaga keharmonian kejiranan kami.	1 1.7%	0 0%	13 22.4%	17 29.3%	27 46.6%	4.19
10.	Saya bertoleransi dengan jiran saya apabila jiran saya melakukan kesilapan.	0 0%	1 1.7%	17 29.3%	21 36.2%	19 32.8%	4.00
11.	Saya menyantuni jiran saya dengan menjemput mereka ke rumah.	2 3.4%	2 3.4%	16 27.6%	18 31.0%	20 34.5%	3.90
12.	Saya bertukar makanan dengan jiran saya.	2 3.4%	3 5.2%	13 22.4%	20 34.5%	20 34.5%	3.91
13.	Saya berterima kasih kepada jiran saya apabila dia membantu saya.	0 0%	1 1.7%	7 12.1%	11 19.0%	39 67.2%	4.52
14.	Saya merendah diri, apabila jiran saya memuji saya.	0 0%	0 0%	10 17.2%	21 36.2%	27 46.6%	4.29
15.	Saya bersimpati dengan jiran saya jika dia ditimpa musibah.	0 0%	1 1.7%	6 10.3%	18 31.0%	33 56.9%	4.43

Sumber: Soal Selidik 2024

Jadual 8 menunjukkan bahawa masyarakat di Temerloh secara purata mempunyai tahap kecekapan komunikasi interpersonal yang baik. Hal ini terbukti melalui dapatan bahawa item "Saya berterima kasih kepada jiran saya apabila dia membantu saya" memperoleh nilai min tertinggi (4.52). Nilai ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mengamalkan sikap menghargai bantuan yang diberikan oleh jiran mereka. Sikap ini mencerminkan nilai positif dalam membina hubungan yang erat antara jiran tetangga.

Sebaliknya, item "Saya sering bertengkar dengan jiran tetangga saya" mencatat nilai min terendah (1.53). Nilai ini membuktikan bahawa interaksi negatif, seperti pertengkaran, jarang

berlaku dalam kalangan masyarakat berjiran di Temerloh. Keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat berjaya meminimumkan konflik dalam hubungan mereka, sekali gus menyumbang kepada keharmonian kejiranan.

Namun begitu, terdapat kekurangan dalam aspek memulakan komunikasi lisan. Walaupun responden menunjukkan kecekapan komunikasi yang baik secara keseluruhan, item seperti "Saya menyapa jiran saya terlebih dahulu jika bertemu di kawasan kejiranan" mencatat nilai min yang lebih rendah berbanding item lain. Dapatan ini mencadangkan bahawa aspek inisiatif dalam berkomunikasi perlu diberi perhatian lebih dalam kalangan masyarakat berjiran.

Tahap Pengamalan Kecekapan Komunikasi Interpersonal Menurut Perspektif Islam

Jadual 9: Taburan Min, Peratusan dan Kekerapan Tahap Pengamalan Komunikasi Interpersonal menurut Perspektif Islam yang Cepak

Bil.	Item	STS	TS	SD	S	SS	Min.
1.	Saya memberi salam kepada jiran saya yang muslim terlebih dahulu.	0 0%	1 1.7%	16 27.6%	22 37.9%	19 32.8%	4.02
2.	Saya bercakap benar dengan jiran saya.	0 0%	0 0%	17 29.3%	20 34.5%	21 36.2%	4.07
3.	Saya bercakap dengan lemah lembut apabila sedang berbual dengan jiran.	0 0%	0 0%	12 20.7%	18 31.0%	28 48.3%	4.28
4.	Saya berhati-hati ketika berbicara dengan jiran agar tidak terguris hatinya.	0 0%	0 0%	10 17.2%	17 29.3%	31 53.4%	4.36
5.	Saya berbual dengan jiran berkenaan perkara yang memanfaatkan kami.	2 3.4%	5 8.6%	13 22.4%	15 25.9%	23 39.7%	3.90
6.	Saya menyesuaikan nada percakapan saya apabila berbual dengan jiran.	0 0%	2 3.4%	10 17.2%	22 37.9%	24 41.4%	4.17
7.	Saya beristighfar sekiranya jiran saya melakukan sesuatu perkara yang saya tidak suka.	1 1.7%	4 6.9%	16 27.6%	16 27.6%	21 36.2%	3.90
8.	Saya mempertimbangkan idea jiran saya dalam menambah baik keharmonian kejiranan.	2 3.4%	1 1.7%	14 24.1%	23 39.7%	18 31.0	3.93
9.	Saya berkongsi cerita dengan jiran saya tanpa memastikan kepastian berita itu.	31 53.4%	13 22.4%	7 12.1%	5 8.6%	2 3.4%	1.86
10.	Saya berbual dengan nada yang kuat meskipun jiran saya berada di sebelah.	35 60.3%	14 24.1%	4 6.9%	4 6.9%	1 1.7%	1.66

11.	Saya pernah melepaskan kata-kata yang kesat kepada jiran.	40 69.0%	9 15.5%	5 8.6%	3 5.2%	1 1.7%	1.55
12.	Saya berbual dengan jiran tentang isu yang tidak elok.	43 74.1%	9 15.5%	3 5.2%	2 3.4%	1 1.7	1.43
13.	Saya berbual dengan jiran berkenaan keburukan jiran lain.	45 77.6%	7 12.1%	2 3.4%	2 5.2%	1 1.7%	1.41
14.	Saya mengherdik jiran saya apabila jiran saya melakukan sesuatu yang saya tidak suka.	42 72.4%	9 15.5%	4 6.9%	2 3.4%	2 1.7%	1.47
15.	Saya akan terus membantah idea jiran saya apabila ianya bercanggah dengan pendapat saya.	34 58.6%	15 25.9%	5 8.6%	3 5.2%	1 1.7%	1.66

Sumber: Soal Selidik 2024

Jadual 9 menunjukkan bahawa dalam konteks pengamalan kecekapan komunikasi interpersonal menurut perspektif Islam, dapatan mendapati bahawa responden cenderung mengamalkan komunikasi yang baik (mahmudah). Item "Saya berhati-hati ketika berbicara dengan jiran agar tidak terguris hatinya" mencatat nilai min tertinggi (4.36). Nilai ini mencerminkan kesantunan yang tinggi dalam komunikasi, selaras dengan prinsip Islam yang menekankan pentingnya menjaga adab dan perasaan orang lain.

Sebaliknya, item "Saya berbual dengan jiran berkenaan keburukan jiran lain" mencatat nilai min terendah (1.41). Hal ini menunjukkan bahawa amalan mengumpat jarang dilakukan oleh responden. Sikap ini sejajar dengan ajaran Islam yang melarang perbuatan bercakap perkara batil atau memburukkan orang lain, terutamanya jiran tetangga.

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa masyarakat Temerloh berjaya mengamalkan komunikasi interpersonal yang baik menurut perspektif Islam, dengan menghindari komunikasi negatif (mazmumah) secara purata. Walaupun demikian, masih terdapat ruang untuk memperbaiki aspek tertentu dalam pengamalan komunikasi mahmudah, terutamanya bagi item-item yang menunjukkan nilai sederhana, bagi mencapai tahap kecekapan komunikasi yang lebih tinggi dan harmoni dalam kejiiran.

PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kecekapan komunikasi interpersonal serta pengamalannya menurut perspektif Islam dalam masyarakat berjiran di Temerloh, Pahang. Berdasarkan dapatan, tahap kecekapan komunikasi interpersonal secara purata berada pada **tinggi**, dengan nilai min keseluruhan yang melebihi 3.5. Contohnya, item "Saya berterima kasih kepada jiran saya apabila dia membantu saya" mencatat nilai min tertinggi (min=4.52), menunjukkan bahawa penghargaan terhadap bantuan jiran merupakan amalan yang konsisten dan berada pada tahap **tinggi**. Penemuan ini selaras dengan pandangan Kusnadi (2014) bahawa komunikasi yang berkesan melibatkan nilai-nilai positif seperti penghargaan dan empati.

Sikap empati turut berada pada tahap **tinggi**, seperti yang ditunjukkan melalui item "Saya bersimpati dengan jiran saya jika dia ditimpa musibah" (min=4.43) dan "Saya menolong jiran saya jika dia memerlukan bantuan" (min=4.34). Hal ini mencerminkan pengamalan konsep *al-ta'awun* (tolong-menolong) yang dianjurkan dalam Islam, seperti yang dinyatakan oleh Nik Yusri et al. (2020). Sikap ini menyumbang kepada pembentukan hubungan kejiiran yang harmoni, sesuai dengan prinsip *hablum min al-nas* (Ahmad et al., 2020; Othman et al., 2024).

Sebaliknya, aspek komunikasi negatif berada pada tahap **rendah**, seperti yang dinyatakan oleh item "Saya sering bertengkar dengan jiran tetangga saya" (min=1.53). Responden sangat

tidak bersetuju dengan pertengkaran, mencerminkan keupayaan mereka untuk meminimumkan konflik dan memaksimumkan persetujuan. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Temerloh berjaya menerapkan semangat permuafakatan dalam kehidupan berjiran, seperti yang dihuraikan oleh Zuraini et al. (2015). Interaksi positif ini merupakan asas kepada keharmonian kawasan kejiranan (M. Yusof et al., 2011).

Namun, kelemahan dikenal pasti dalam aspek memulakan komunikasi lisan, yang berada pada tahap **sederhana**. Contohnya, item "Saya menyapa jiran saya terlebih dahulu jika bertemu di kawasan kejiranan" mencatat nilai min kedua terendah (min=3.24). Walaupun majoriti responden memilih skala sederhana atau setuju, sebahagian masih tidak cenderung untuk memulakan komunikasi. Kajian Sarah dan Maslida (2022) menekankan bahawa memulakan komunikasi adalah elemen penting dalam membina hubungan yang kukuh dan kekurangan dalam aspek ini boleh menjejaskan kecekapan komunikasi interpersonal secara keseluruhan.

Item "Saya selesa untuk memulakan perbualan dengan jiran saya" (min=3.71) turut berada pada tahap **sederhana**, menunjukkan bahawa walaupun hubungan kejiranan secara keseluruhan harmoni, inisiatif untuk memulakan komunikasi masih kurang dalam kalangan responden. Dapatan ini mencadangkan bahawa masyarakat Temerloh perlu mempertingkatkan kemahiran komunikasi lisan untuk memperkukuhkan hubungan interpersonal. Peningkatan dalam aspek ini penting bagi memastikan hubungan kejiranan yang harmoni dan berkesan dapat dicapai.

Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengamalan komunikasi interpersonal menurut perspektif Islam dalam kalangan masyarakat berjiran di Temerloh, Pahang. Bahagian ini terdiri daripada 15 item yang dibahagikan kepada dua tema utama: ciri-ciri komunikasi mahmudah (item 1 hingga 8) dan ciri-ciri komunikasi mazmumah (item 9 hingga 15).

Dapatan menunjukkan bahawa tahap pengamalan komunikasi mahmudah adalah **tinggi**, manakala komunikasi mazmumah berjaya dielakkan, dengan tahap **rendah** bagi item-item negatif.

Item "Saya berhati-hati ketika berbicara dengan jiran agar tidak terguris hatinya" mencatat nilai min tertinggi (4.36), menunjukkan tahap **tinggi**. Majoriti responden sangat bersetuju dengan amalan ini, yang menonjolkan kepentingan menjaga adab dalam percakapan. Hal ini selari dengan prinsip komunikasi Islam yang menekankan penggunaan bahasa yang baik dan hormat kepada jiran (Hamzah et al., 2018; Maizatul et al., 2019). Sikap berhati-hati ini menjadi asas kepada komunikasi yang cekap dan harmoni.

Seterusnya, item "Saya bercakap dengan lemah lembut apabila sedang berbual dengan jiran" juga berada pada tahap **tinggi** dengan nilai min 4.28. Pengamalan sikap lemah lembut ini mencerminkan kesantunan dan kesopanan masyarakat Temerloh. Kajian Saifulazry et al. (2021) dan Nurul Huda et al. (2024) turut menyokong bahawa kesopanan dan kesusilaan adalah elemen penting dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni dan mapan.

Dalam aspek penyesuaian komunikasi, item "Saya menyesuaikan nada percakapan saya apabila berbual dengan jiran" mencatat nilai min 4.17, menunjukkan tahap **tinggi**. Ini mencerminkan keupayaan responden untuk menyesuaikan komunikasi mereka dengan keadaan atau situasi tertentu. Sebaliknya, item "Saya berbual dengan nada yang kuat meskipun jiran saya berada di sebelah" mencatat nilai min **rendah**, dengan majoriti responden sangat tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan sikap masyarakat yang memahami pentingnya kawalan nada percakapan bagi mengelakkan gangguan kepada jiran (Saifulazry et al., 2021; Suriani & Halimatus, 2018).

Bagi komunikasi negatif, item "Saya berbual dengan jiran berkenaan keburukan jiran lain" mencatat nilai min terendah (1.41), menunjukkan tahap **rendah**. Ini membuktikan bahawa amalan mengumpat jarang dilakukan, selaras dengan ajaran Islam yang melarang perbuatan tersebut (Zuraini et al., 2015). Begitu juga, item "Saya berbual dengan jiran tentang isu yang tidak elok" mencatat nilai min kedua terendah (1.43), menunjukkan kejayaan masyarakat Temerloh dalam mengelakkan komunikasi yang tidak bermakna.

Item "Saya mengherdik jiran saya apabila jiran saya melakukan sesuatu yang saya tidak suka" turut berada pada tahap **rendah** dengan nilai min 1.47. Dapatan ini mencerminkan sikap responden yang menghindari komunikasi berbentuk cacian atau kejian, sejajar dengan tuntutan agama Islam seperti dalam surah al-Humazah. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Temerloh memahami dan mengamalkan nilai-nilai positif dalam menjaga hubungan baik dengan jiran.

Kesimpulannya, tahap pengamalan komunikasi mahmudah dalam kalangan masyarakat Temerloh berada pada tahap **tinggi**, manakala penghindaran komunikasi mazmumah berada pada tahap **rendah**, mencerminkan pengamalan nilai-nilai Islam yang baik. Walaupun amalan komunikasi mahmudah diamalkan secara meluas, terdapat ruang untuk memperbaiki konsistensi dalam pengamalan ini. Kajian ini mencadangkan bahawa usaha tambahan diperlukan untuk meningkatkan amalan komunikasi mahmudah, yang berpotensi memperkukuh keharmonian dalam hubungan kejiranan.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Kajian ini memberikan beberapa implikasi yang boleh dimanfaatkan dalam konteks akademik, masyarakat dan dasar. Dari segi akademik, kajian ini menyumbang kepada pengukuhan literatur dalam bidang komunikasi interpersonal, khususnya dalam konteks masyarakat Islam dan kejiranan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa komunikasi interpersonal yang cekap bukan sahaja melibatkan penyampaian maklumat tetapi juga sikap dan nilai seperti penghargaan, empati dan kesantunan. Hal ini selaras dengan prinsip komunikasi mahmudah dalam Islam, yang boleh dijadikan asas untuk kajian lanjutan yang menghubungkan elemen agama dan sosial dalam komunikasi.

Dari perspektif masyarakat, kajian ini menunjukkan bahawa tahap kecekapan komunikasi interpersonal masyarakat Temerloh adalah baik, tetapi masih terdapat kelemahan dalam aspek memulakan komunikasi lisan. Implikasi ini penting bagi pelbagai pihak seperti pemimpin komuniti, masjid dan NGO untuk merangka program kesedaran dan latihan yang memfokuskan kepada pengukuhan kemahiran komunikasi interpersonal. Usaha ini dapat membantu mengatasi rasa segan atau kurang keyakinan dalam memulakan interaksi, yang akhirnya dapat meningkatkan kualiti hubungan kejiranan.

Dari segi dasar, dapatan ini dapat dijadikan panduan untuk menggubal atau memperbaiki polisi yang menyokong pembangunan komuniti yang harmoni. Contohnya, pihak berkuasa tempatan boleh menyediakan lebih banyak ruang interaksi awam seperti taman permainan dan dewan komuniti untuk menggalakkan interaksi sosial yang sihat dalam kalangan jiran tetangga. Dasar ini juga boleh melibatkan kempen kesedaran awam yang mempromosikan amalan komunikasi mahmudah dan mengelakkan komunikasi mazmumah seperti mengumpat atau mencaci.

RUMUSAN

Berdasarkan kajian rintis ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi kajian, dapatan kajian serta perbincangan mengenai tahap kecekapan komunikasi interpersonal yang baik, terutama dalam aspek penghargaan, empati dan kesantunan, seperti mengucapkan terima kasih dan bercakap dengan lemah lembut. Namun, kelemahan dikenal pasti dalam memulakan komunikasi lisan, yang memerlukan perhatian lebih. Dari segi pengamalan menurut Islam, masyarakat didapati mengamalkan ciri komunikasi mahmudah seperti berhati-hati dalam berbicara dan menghindari mazmumah seperti mengumpat, tetapi tahap pengamalan ini masih belum konsisten sepenuhnya. Secara keseluruhan, kajian ini menekankan keperluan meningkatkan kecekapan komunikasi, mempromosikan nilai-nilai mahmudah dan membuka ruang untuk kajian lanjut bagi membentuk masyarakat yang lebih harmoni dan berintegritas.

RUJUKAN

Buku

Abdull Sukor Shaari. (2022). *Kedah Penyelidikan Pendidikan Kuantitatif*. Kedah: Universiti Utara Malaysia Press.

Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Jurnal

Abd. Malik. (2018). Ruang Publik Sebagai Representasi Kebijakan dan Medium Komunikasi Publik (Studi Komunikasi Kebijakan Ruang Publik Kota Serang). *Jurnal Administrasi Negara: SAWALA*, 6(2), 82–88.

- Abd. Ghoffar Mahfuz. (2019). Hubungan Agama dan Budaya: Tinjauan Sosiokultural. *Rumah Jurnal IAIN Syaikh Abdurrahman Siddik Bangka Belitung, Indonesia*, 14(1), 41–61.
- Ahmad Fakhurrazi M. Zabidi, Mahfuzah M. Zabidi & Noorsafuan Che Noh. (2020). Peranan Pendidikan dalam Pengukuhan Kesejahteraan Hablum Min al-Nas dari Perspektif al-Quran. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 4(2), 126–137.
- Azlina Kamaruddin. (2017). Analisis kualitatif Terhadap Faktor Kegagalan Komunikasi Pembujukan Dalam Konteks Pengucapan Awam. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(3), 89–106.
- Catherine Anak Lion, & Ubong Imang. (2023). Pembangunan Kejiranan Mampan di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 11(2023), 104–121.
- Desi Damayani Pohan, & Ulfi Sayyidatul Fitria. (2021). Jenis-jenis Komunikasi. *Cybernetics: Journal Educational Research and Social Studies*, 2(3), 29–37.
- Kusnadi. (2014). Komunikasi dalam al-Quran (studi Analisis Komunikasi Interpersonal Pada Kisah Ibrahim). *INTIZAR*, 20(2), 267–284.
- M. Syariefudin Abdullah, M. Mahadee Ismail, & Mansor M. Noor. (2013). Kesepaduan Sosial dan Kejiranan di Kawasan Rukun Tetangga. *Jurnal Kinabalu*, 19(2013), 53–76.
- M. Yusof Hussain, M. Shahrudin Samsurijan, Suraiya Ishak, & Abd. Hair Awang. (2011). Hubungan Kejiranan dalam Membentuk Kesejahteraan Hidup Masyarakat 'Kampung Bandar': Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*, 7(3), 36–44.
- Maizatu Haizan Mahbob, Nik Anis Syakira Megat Ali, Wan Idros Wan Sulaiman & Wan Amizah Wan Mahmud. (2019). Komunikasi Strategik dan Peranannya Untuk Mewujudkan Komunikasi Berkesan Dalam Organisasi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(2), 49–67.
- Noor Azmira Mohamed & Nor Azlili Hassan. (2019). Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4), 19–28.
- Nurul Huda Afiqah Zambri, Yap Cai Fong, Nur Syazana Shamsuri, Nurul Izzah Emran & Ahmad Fkrudin M. Yusoff. (2024). Keharmonian Negara Malaysia Melalui Rukun Negara: Tinjauan Terhadap Mahasiswa Politeknik Ungku Omar. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial*, 10(1), 11–21.
- Okarisma Mailani, Irna Nuraeni, Sarah Agnia Syakila, & Jundi Lazuardi. (2022). Bahasa Sebagai Alat Komunikasi dalam Kehidupan Manusia. *KAMPRET Journal*, 1(2), 1–10.
- Othman, N. S. ., Mohammed Zabidi, M., Mohammed Zabidi, A. F. & Mohd Burhan, N. (2024). Penghayatan Konsep Ihsan dalam Pendidikan Berdasarkan Kitab Ihya' Ulumuddin: The Concept of Ihsan in Education Based on the Book Ihya' Ulumuddin. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(3), 156–164.
- Ribka Alan, MD Salleh Hj. Hassan, Jusang Bolong & Nizam Osman. (2016). Pola Komunikasi Interpersonal dalam Pencarian Maklumat: Kajian Kes Masyarakat Orang Ulu, Sarawak, Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8(2), 11–22.
- Saifulazry Mokhtar, M. Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Abang M. Razif Abang Muis, Irma Wani Othman, M. Sohaimi Esa, Romzi Ationg & Siti Aida Lukin@Lokin. (2021). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law Government and Communication (IJLGC)*, 6(23), 140–156.
- Zafri, N. D., Opir, H. & Yahaya, A. M. (2023). Criteria and Approach of Sharia-Compliant Interactive Da'wah Through Social Media: Kriteria Pendekatan Dakwah Interaktif Patuh Syariah Di Media Sosial. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2), 98–106.

Internet

- A. Ismadi Ismail. (2021, June 13). Isu Tanaman, Masalah Parkir Punca Jiran Bergaduh. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/143921/BERITA/Semasa/Isu-tanaman-masalah-parkir-punca-jiran-bergaduh> (diakses pada 02/05/2024).
- Berita Harian. (2020, November 22). Kesan COVID-19: Aduan Isu Jiran, Ketidakelesaian Sosial, Konflik Keluarga Meningkatkan. <https://www.beritaharian.sg/uncategorized/kesan-covid-19-aduan-isu-jiran-ketidakelesaian-sosial-konflik-keluarga-meningkat> (diakses pada 03/05/2024).

Lain-lain

Amir Aris, & A. Rozelan Yunus. (2016). Komunikasi Berkesan. Siri Latihan Pembangunan Staf.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.